

20 JUL 2004

Radzi-Politik Wang

SEKECIL-KECIL HADIAH JUGA BOLEH DITAKRIF POLITIK WANG - RADZI

Oleh: Anne Salfarizan Mispani

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Pemberian hadiah, walau betapa kecil sekali pun, kepada anggota perwakilan oleh calon-calon yang akan bertanding merebut pelbagai jawatan tinggi parti pada Perhimpunan Agung Umno September depan boleh mengundang salah faham dan ditafsir sebagai amalan politik wang.

Oleh itu Setiausaha Agung Umno Datuk Radzi Sheikh Ahmad menggesa calon-calon berkenaan supaya menjauhi diri daripada sebarang amalan yang boleh menyebabkan mereka terjebak ke dalam perangkap politik wang.

Katanya walaupun amalan memberi hadiah dianggap oleh sesetengah calon hanya sekadar tanda penghargaan kepada penyokong, namun ia mampu mengundang salah faham di kalangan anggota Umno yang lain.

"Janganlah menjadikan budaya (politik wang) ini satu amalan untuk meraih sokongan para perwakilan," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata amalan memberi apa jua hadiah, terutama pada musim dan menjelang pemilihan parti, mesti dielakkan.

"Bila lagi politik wang ini hendak dihentikan. Saya minta kurangkanlah amalan politik wang. Biar pun kita menghargai penyokong-penyokong yang telah memberi sokongan kepada kita, tetapi janganlah kita bagi hadiah secara berterus-terusan," katanya.

Radzi berkata walaupun hadiah yang diberikan itu adalah kecil nilainya, umpamanya sehelai kain batik, amalan itu dikhuatiri akan menjadi "trend" di kalangan calon-calon yang akan bertanding.

"Anggota Umno tak memerlukan semua ni (politik wang). Kenapa politik wang ini mesti menjadi satu budaya dalam Umno kerana setiap kali sahaja selepas pertandingan kena bagi habuan. Ini tak elok," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai setakat mana seriusnya politik wang diamalkan menjelang pemilihan Umno kali ini, Radzi mengakui memang ada

segelintir calon Umno yang masih mengamalkannya untuk memancing undi.

"Untuk pemilihan kali ini kita ada terima aduan (mengenai amalan politik wang). Senarainya dah ada," katanya.

Radzi berkata kebanyakan kes amalan politik wang yang dilakukan oleh calon, membabitkan pemberian wang tunai.

Katanya lain-lain amalan yang boleh ditakrif sebagai politik wang termasuk belanja melancong, makan di tempat-tempat eksklusif, memberi hadiah yang mahal dan membiayai kos untuk mengerjakan umrah.

Beliau mengingatkan bahawa calon-calon yang didapati bersalah mengamalkan politik wang boleh dikenakan tindakan ditarik balik pencalonannya atau seterusnya dilucutkan jawatan parti yang dimenangi calon berkenaan.

"Semua kes politik wang yang dilaporkan akan diteliti atau dibicarakan oleh Lembaga Disiplin parti," katanya.

Radzi mengingatkan anggota Umno supaya kembali kepada budaya Umno dahulu yang ikhlas bekerja dan berkorban untuk calon mereka tanpa mengharapkan habuan tertentu.

"Zaman dulu tak ada terpikir nak bagi semua ni. Bila dah berkorban untuk kawan dan bekerja untuk kawan, terima kasih sudahlah. Bila dalam pertandingan kalah menang tak ada masalah tak macam sekarang, teruk," katanya.

Beliau berkata usaha membasmi amalan politik wang telah digerakkan sejak era kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad dan sepatutnya ia tidak berlaku lagi dan anggota Umno sekarang seharusnya sudah bijak membuat keputusan.

-- BERNAMA

ASF HK AM RON